



WORLD
TRAVEL
AWARDS

JUTAAN TERIMA KASIH

atas sokongan anda dan menjadikan kami
Pemenang Anugerah Pusat Peranginan Peneraju
yang Tertinggi di Malaysia
sebanyak lima kali.



Muat turun aplikasi



Ketahui lanjut



rwingenting.com



V4.3

SAAT ANDA MELANGKAH KE RESORTS WORLD GENTING, DUNIA MENJADI MILIK ANDA.

Dari hutan hujan tanah tinggi berusia 100 juta tahun yang mengelilinginya hingga ke taman tema ikoniknya, hotel bertaraf dunia serta pengalaman makan dan membeli belah yang unik, anda akan mendapati bahawa ada dunia untuk semua orang di sini pada ketinggian 6,000 kaki di atas paras laut di antara awan.

Dan apabila anda menemui dunia anda dan keajaiban di sekelilingnya yang mula menggamit, anda pasti tidak dapat mengawal keseronokan sehingga tanpa sedar akan mengatakan, wow!

CARA UNTUK KE SINI

Resorts World Genting sangat mudah diakses, dengan pelbagai pilihan pengangkutan menjadikan perjalanan anda lancar dan selesa.



Kereta



Teksi & e-Hailing



Bas



Perkhidmatan
Limosin Sewa



Helikopter

Kaunter Perkhidmatan Limosin (Resorts World Genting)

Tel: (603) 6105 9584/85 | Emel: TransportReservation-Limousine@rwgenting.com



Rio © 2024 20th Century Studios. All Rights Reserved.



TEROKA IMAGINASI MENERUSI PENGEMBARAAN DI ATAS AWAN

Taman Tema Genting SkyWorlds terletak pada 6,000 kaki dari aras laut tetapi apabila bercakap tentang pengembaraan, hanya langit adalah hadnya!

Dengan 9 dunia berbeza yang penuh keseronokan berinspirasi francais filem seperti Ice Age, Planet of the Apes, Rio dan Independence Day, taman tema berukuran 26 ekar ini akan menggembirakan pengembara di semua peringkat umur dengan permainan dan tarikan berkelas dunia, hiburan secara langsung dan banyak lagi. Ianya merupakan satu-satunya taman tema pertama berkelas Platinum yang diiktiraf oleh Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya melalui Program Malaysia Tourism Quality Assurance.



TAMAN PERMAINAN UNTUK JIWA KANAK-KANAK ANDA

Di Taman Tema Indoor Skytropolis, setiap ruang dari 400,000 kaki persegi ini dipenuhi dengan keseronokan yang tidak berkesudahan untuk seluruh keluarga. Terdapat permainan untuk kanak-kanak, tarikan untuk keluarga dan roller coaster untuk mereka yang sukakan cabaran – kesemua ciri-ciri percutian keluarga yang sempurna.



Ripley's
ADVENTURELAND
GENTING HIGHLANDS

📍 Aras 4, SkyAvenue

Ripley's Adventureland

Anda sukakan perkara-perkara yang luar biasa? Pergilah ke Ripley's Adventureland dan alami segala-galanya daripada koleksi barangan paling luar biasa di dunia ke muzium ilusi optik yang menakjubkan, sehinggalah Wabak Zombi yang menakutkan. Kedegaran seperti sukar dipercayai? Nah, anda hanya perlu mengalaminya untuk mempercayainya.



SENIKOME
PÉNG HÈNG
East Coast's Arts & Cultural Centre

📍 Kampung Melayu, Aras 2, First World Plaza

SeniKome Pénng Hèng

Dapatkan inspirasi dan teroka keindahan seni dan budaya dari negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia, seperti Pahang, Terengganu, dan Kelantan.



VISION CITY
VIDEO GAMES MALL

📍 Aras Lobi Bawah, Genting Grand

Pusat Permainan Video Vision City

Bersedialah untuk permainan klasik dan uji nasib anda dengan mesin claw untuk berpeluang memenangi hadiah menarik!



BONA 博悅汇影城
BONA CINEMAS

📍 Aras 1, SkyAvenue

Bona Cinemas

Alami pengalaman menonton wayang di pawagam yang lebih hebat dari biasa di Bona Cinemas dengan pengembaraan visual IMAX yang mengasyikkan dan perjalanan dinamik yang akan dibawa oleh tempat duduk bergerak yang boleh diubah suai di teater D-Box kepada anda.



GENTING BOWL

📍 Aras 3, Kompleks Dunia Pertama

Genting Bowl

Hiburkan hati anda dengan 20 lorong boling yang penuh keseronokan untuk anda bersaing dengan rakan dan keluarga!



SkySymphony
transform your culture

📍 Aras 1, SkyAvenue

SkySymphony

SkySymphony menceritakan kisah-kisah yang mempesonakan dengan mengubah atrium SkyAvenue menjadi pertunjukan audio, visual dan grafik bergerak dari udara yang menakjubkan untuk dinikmati dan dihayati.

HIBURAN



KENALI HERO KAMI, TEMUI RAKAN BAHARU ANDA!

Jom bersama Tabby si Harimau, Allie si Gajah, Geno si Dinosaur serta rakan-rakan mereka, dan pahatkannya dalam ingatan dengan bergambar bersama mereka!



TABBY
SI HARIMAU

Tabby si Harimau adalah seekor haiwan yang bersemangat, berteneg dan sentiasa bersedia untuk keseronokan dan pengembaraan. Tabby suka mengajik rakan-rakannya semasa dia meneroka tempat baharu dan menarik.



ALLIE
SI GAJAH

Apabila Allie si Gajah, seekor haiwan yang penyayang, manis dan pintar tidak sibuk belajar atau meneroka persekitarannya, pasti dia sedang menari!



JOE
SI ORANGUTAN

Joe si Orangutan suka meneroka perkara baharu sepanjang hari – dia berasa gembira berkongsi pengetahuan dan penemuannya, terutama sekali dengan rakan baiknya, Geno si Dinosaur.



BENNY
SI PENGHIBUR

Dia seorang yang mahir dalam lelah kad, silap mata, nyanyian dan tarian. Benny si Penghibur adalah seorang penghibur semula jadi yang akan sentiasa berani mengejar impiannya, tidak kira apa jua halangan!



CALLIE
SI NAGA

Betubuh kecil, manis, namun sangat berkuasa, Callie si Naga bersifat mistikal, ajaib, dan yang paling penting, rakan yang setia dengan keupayaan unik untuk melihat potensi dalam diri semua orang!



GENO
SI DINOSAUR

Tidak seperti dinosaur yang biasa, Geno si Dinosaur ini adalah seekor haiwan yang bahagia, suka bermain, berguling, dan berkejaran dengan teman baiknya, Joe si Orangutan!

ZOUK™
G E N T I N G

Kelab super seluas 8,000 kaki persegi yang memartabatkan seni kontemporari muzik yang seiring dengan tatacara lampunya yang luar biasa!

Gohtong Way

STREET FOOD | MUSIC | ENTERTAINMENT

Dinamakan sempena mendiang pengasas kami, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Lim Goh Tong, Gohtong Way adalah tempat di mana keluarga dan rakan-rakan berkumpul bersama untuk menyambut kebersamaan, perpaduan dan keharmonian dengan hiburan secara langsung dan makanan yang melazatkan.

EMPIRE

Kelab yang dipacu gaya hidup terkini dengan keluasan 5,000 kaki persegi khusus untuk meraikan budaya hip hop dalam setiap cara.

RedTail BY ZOUK

RedTail
GENTING

Bar yang selesa untuk bersantai bersama rakan anda dan banyak koleksi permainan parti, termasuk bir pong bersaiz sebenar, jenga serta dam ular.

**APABILA MALAM BERGEMERLAPAN,
BERMULALAH PENGALAMAN
YANG TIDAK DAPAT DILUPAKAN**

Apabila matahari terbenam, alami kemuncak keseronokan dengan aktiviti malam yang terkemuka dan terbaik di negara ini, di mana malam anda baru sahaja bermula.

6 Tahun Berturut-turut

(2019 – 2024)



Forbes
TRAVEL GUIDE



CROCKFORDS
EST. 1828
London

TERIMA KASIH UNTUK TAHUN KE-6

Dengan bangganya menerima
Anugerah Lima Bintang Forbes Travel Guide
selama enam tahun berturut-turut.



VERIFIED
with Forbes TRAVEL GUIDE

**BANGKIT DIBALIK
AWANAN, MIMPI DIIRINGI
KERDIPAN BINTANG**

Crockfords adalah lambang penginapan mewah, di mana setiap bilik direka dengan menarik dan teliti untuk menawarkan keselesaan dan kemewahan dalam kadar yang sama. Sebagai salah satu permata tersembunyi di dataran tinggi ini, ia merupakan satu-satunya hotel di Malaysia yang diiktiraf 5 bintang oleh Forbes Travel Guide selama enam tahun berturut-turut (2019-2024).

7 Tahun Berturut-turut

(2018 – 2024)




GENTING GRAND



Genting Grand

Genting Grand bukan sahaja salah satu hotel terbaik di Resorts World Genting, tetapi juga salah satu hotel yang paling ikonik. Di tengah-tengah seni binanya yang sangat mudah dikenali, anda akan temui *suite* yang elegan dan memberikan keselesaan kontemporari yang telah berkembang mengikut zaman, disamping kelasnya yang tersendiri dan tidak dimamah waktu.


GENTING SKYWORLDS HOTEL



Genting SkyWorlds Hotel

Sebuah hotel butik yang dipenuhi dengan bilik minimalis yang menyenangkan, diilhamkan oleh Taman Tema Genting SkyWorlds dan direka untuk pengembara yang sukakan keseronokan.

7 Tahun Berturut-turut

(2018 – 2024)



HIGHLANDS HOTEL



Highlands Hotel

Highlands Hotel adalah di mana anda akan merasai gabungan kemewahan canggih dan keselesaan ringkas, menjelma menjadi *suite* eksklusif yang direka untuk mereka yang mempunyai cita rasa untuk hidup mewah di antara awan.

 **Resort Hotel**



Resort Hotel

Sama ada untuk perniagaan atau keseronokan, Resorts Hotel mempunyai semua keselesaan utama untuk menjadikan setiap penginapan satu percutian tanpa tekanan.

 **Resorts World AWANA**



Resorts World Awana

Sebuah pusat peranginan yang tenang terletak pada ketinggian 3,100 kaki di atas paras laut di tanah tinggi yang sejuk, dikelilingi oleh hutan hujan yang berusia 130 juta tahun.


FIRST WORLD HOTEL



First World Hotel

Hotel terbesar di dunia dengan 7,351 bilik, First World Hotel menawarkan bukan sahaja pilihan penginapan bajet, tetapi juga akses mudah ke tarikan utama, kerana lokasinya di tengah-tengah Resorts World Genting.



Burger & lobster.

Burger & Lobster

Nikmati pengalaman bersemuka dengan lobster hidup, dibawa dari Lautan Atlantik ke meja anda 6,000 kaki di puncak, kini ditingkatkan lagi dengan menu baharu yang lazat. Sebagai restoran di Asia Tenggara yang pertama, kami komited untuk memberikan pengalaman berkelas dunia yang setaraf dengan restoran kami di London. Lobster diimport dari Nova Scotia, Kanada, dan burger kami diperbuat daripada daging lembu gred halal dari Stanbroke, Australia.



AYU
AWANA

AYU Awana

Diinspirasi oleh suasana pulau-pulau Asia Tenggara yang indah, AYU Awana adalah sebuah oasis luaran yang mempunyai segala-galanya untuk mengubah hidangan atau BBQ hujung minggu anda menjadi satu pengalaman yang tenang dan menyeluruh dengan hidangan istimewa sihat yang disajikan dengan hiburan dan gaya hidup.



AWANA GARDEN
Since 1970



Awana Garden

Tiada yang lebih baik daripada hidangan periuk panas dalam cuaca tanah tinggi yang sejuk. Apabila bahan-bahannya segar dan sayur-sayuran semuanya dituai terus dari kebun kami dan denai hutan hujan Awana, anda tahu Awana Garden berada pada tahap yang berbeza. Dan untuk menjadikannya pengalaman periuk panas yang lebih sukar ditandingi, hidangan ladang ke meja anda dan makanan kegemaran tempatan Malaysia boleh dinikmati dalam dakapan udara segar yang mempesonakan dan pemandangan hutan hujan tanah tinggi yang memukau.



JOM Makan
SKYAVENUE



TRATTORIA
IL LAGO
SIMPLY ITALIAN



HIGH LINE
FOOD MARKET

MENU YANG PELBAGAI UNTUK SETIAP CITA RASA

Daripada hidangan tempatan hinggalah kepada masakan Barat, apa sahaja yang anda idamkan, anda boleh menemuinya di Resorts World Genting.

HARRY RAMSDEN
WORLD FAMOUS FISH & CHIPS

Burger & lobster.

HIGH LINE
FOOD MARKET

MALAYSIAN FOOD STREET

JOM Makan
SKYAVENUE

TEMPAT MAKAN



**DI MANA SETIAP PENGALAMAN
MEMBELI BELAH MENJADI
PERJALANAN PENUH KEGEMBIRAAN**

Daripada penjimatan harian sehingga 65% bagi lebih 150 jenama berjenama di Genting Highlands Premium Outlets hinggalah mencari barang kemas, jam tangan, kasut dan gajet di SkyAvenue, sama ada anda membeli-belah untuk sesuatu yang baharu atau untuk tawaran yang luar biasa, Resorts World Genting menawarkan yang segalanya.



M
SPA
& FITNESS

M SPA & FITNESS

Manjakan tubuh dan minda anda dengan sesi peremajaan yang selayaknya di M Spa, di mana gabungan teknologi terkini dan rawatan badan berasaskan tumbuhan tradisional untuk menghilangkan keletihan anda dan memulihkan kesihatan anda dengan pengalaman holistik yang ditempah khas.



Kereta Kabel Genting Highlands Premium Outlets

Laluan indah dan terbaik untuk ke Resorts World Genting, yang dihiasi oleh pemandangan indah hutan hujan tanah tinggi berusia 100 juta tahun. Hanya naik gondola di Stesen Awana dan anda akan sampai ke puncak dalam anggaran 10 minit.



Resorts World
AWANA

Golf

Tiada pengalaman bermain golf yang setanding dengan apa yang anda akan temui di Resorts World Awana. Pada 3,100 kaki di atas paras laut, setiap pusingan mendebarkan di laluan 18-lubang yang unik ini sentiasa bermula dan berakhir dengan cara yang sama dalam dakapan ketenangan, dirangkul oleh kehijauan yang subur dan angin tanah tinggi yang segar sepanjang tahun.



清水
山石廟
Chin Swee Coey Temple
Genting Highlands

Kuil Gua Chin Swee

Jika anda bersedia untuk sedikit penerokaan, anda boleh turun di Stesen Chin Swee dalam perjalanan anda tanpa kos tambahan. Lencongan budaya ini akan membawa anda ke Kuil Gua Chin Swee yang mengagumkan, di mana terdapat pagoda sembilan tingkat yang ikonik, SkyTerrace terbuka dan patung Buddha setinggi 15 meter menanti.



LUASKAN DUNIAMU DENGAN GENTING REWARDS

Daftar sekarang untuk menjadikan pengalaman Resorts World Genting anda lebih menyenangkan dengan kadar bilik eksklusif, keistimewaan khusus untuk ahli sahaja, mata ganjaran untuk dibelanjakan dan banyak lagi.
Anda cuma perlu menjadi ahli untuk mengubah lawatan anda ke akses ganjaran yang menakjubkan!



Daftar sekarang

*Tertakluk kepada terma dan syarat.
Maklumat adalah tepat pada masa cetakan.*

TM and © GENTING GROUP. All Rights Reserved

